

**Bahagian A: (10 markah)**

*Isikan tempat kosong di bawah ini dengan perkataan sekumpul yang diberikan.*

kolek	Siti	kangkong
tembakai	Arab	pisang
Melayu	sembilang	trompet
salad	gitar	Abu

1. Di gerai itu ada dijual kobis, sawi,  dan .
2. Bapa saya pandai berbahasa Jepun, Inggeris,  dan .
3. Juliana, Mahmud,  dan  adalah kawan sedarjah saya.
4. Pemuda itu boleh bermain piano, seruling,  dan .
5. Saya suka makan limau, anggur,  dan .

**Bahagian B : (5 markah)**

Pilih peribahasa yang maksudnya sama dengan frasa yang bergaris bawah dalam tiap-tiap butiran ini.

1. Pemuda itu berasa sungguh gembira kerana telah mendapat keuntungan yang tidak disangka-sangka.

buah hati  
buah tangan  
bunga dedap  
durian runtuh

2. Ibu berpesan kepada kakak supaya tidak membuat kerja yang tidak berfaedah.

makan angkat  
cangkul angin  
ringan kepala

jauh hati

3. Badan Ali berdaki kerana dia selalu mandi dengan tidak bergosok.

mandi peluh  
mandi kerbau  
mati katak  
pembasuh mulut

4. Kita harus rajin membaca supaya tidak menjadi orang yang cetek pengetahuannya.

seperti rusa masuk kampung  
seperti rumput di tepi jalan  
seperti kera mendapat bunga  
seperti katak di bawah tempurung

5. Sikap Osman yang tidak tahu mengenang budi itu membuat dia dibenci oleh kawan-kawannya.

bagai isi dengan kuku  
seperti kacang lupakan kulit  
seperti api di dalam sekam  
bagai kumbang putus tali

**Bahagian C: (5 markah)**

*Pilih kata penghubung yang sesuai bagi setiap butiran di bawah ini.*

kerana	sambil	atau	jika	walaupun	hingga
--------	--------	------	------	----------	--------

1. Siti tidak sombong  dia kaya.
2. Adik suka makan  menonton televisyen.
3. Lutut Ahmad luka  terjatuh semasa bermain bola.
4. Kakak tidak tahu hendak membeli kain sutera  kain kapas.
5. Pemuda itu bekerja dari pagi  petang tanpa berehat.